



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 JUN 2019 (JUMAAT)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

21 JUN 2019 (JUMAAT)

22 setempat

21-06-2019

**Nurul Hidayah Bahaudin,
 Iqhran Ahmad dan Mohd
 Hafzee Mohd Arop**
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kaut keuntungan ribuan ringgit setiap bulan dengan menjual selipar berjenama tiruan pada harga serendah RM10.

Itu kegiatan dilakukan sindiket barangan tiruan yang dibongkar pasukan penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dalam serbuan jam 2 petang Selasa lalu, dua premis di Plaza Haji Taib dan Plaza TAR di sini, diserbu selepas mereka menerima maklumat daripada wakil cap dagang memaklumkan berlaku penjualan barang tiruan.

Pengarah KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ummi Nasrah Othman berkata, 2,614 selipar tiruan pelbagai jenama membabitkan Adidas, Nike, Puma dan Birkenstock dianggarkan bernilai RM10,528 dirampas dalam serbuan itu.

“Serbuan pertama dilakukan di Plaza Haji Taib mendapati kedai berkenaan ditinggalkan pekerjaanya apabila melarikan diri sebaik menyedari kehadiran anggota penguat kuasa di kawasan terbabit.

“Dalam serbuan kedua di Plaza TAR pula, kami menahan dua lelaki iaitu warga tempatan dan Indonesia berusia 23 tahun yang bekerja di kedai berkenaan.

“Pemeriksaan di kedua-dua premis berkenaan membawa kepada penemuan 2,614 selipar tiruan pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM10,528,” katanya di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur di sini, kelmarin.

Ummi Nasrah berkata, siasatan awal mendapati selipar berjenama tiruan berkenaan dijual pada harga serendah RM10 setiap satu berbanding harga selipar asli RM200 hingga RM300 setiap pasang.

“Malah, sindiket ini menawarkan harga serendah RM4 sepasang selipar tiruan bagi pelanggan yang mem-



UMMI Nasrah (tengah) menunjukkan sebahagian selipar tiruan berjenama yang dirampas di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur.

Birkenstock ciplak RM10

■ KPDNHEP Kuala Lumpur serbu dua kedai rampas 2,614 selipar tiruan

beli secara borong. “Berdasarkan maklumat diperoleh daripada wakil cap dagang, pihak terbabit melakukan risikan terhadap kedua-dua premis berkenaan sejak sebulan lalu sebelum

melaporkan perkara itu kepada KPDNHEP.

“Kami masih menyiasat lokasi sindiket terbabit mendapatkan bekalan barangan tiruan itu dan tempoh mereka mula beroperasi di lokasi berkenaan,” katanya.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011.

Dalam perkembangan berasingan, 50 kes direkodkan KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 dari Januari hingga Selasa lalu dengan rampasan

47,448 barangan tiruan dianggarkan bernilai RM1.65 juta.

Katanya, pihaknya mengambil tindakan berterusan dalam penguat kuasa hak harta intelek bagi memastikan ia dilindungi dan dihormati, sekali gus memastikan Malaysia tidak menjadi sebagai pusat jualan barangan tiruan.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan jualan barangan tiruan boleh mengemukakan aduan dengan melayari portal KPDNHEP menerusi e-aduan@kpdnhep.gov.my. Sementara itu, di Ipoh,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merampas 417 selipar tiruan jenama Birkenstock dalam pemeriksaan di premis Kawasan Perindustrian Mengelembu, kelmarin.

Dalam pemeriksaan jam 10 pagi, pegawai penguat kuasa KPDNHEP menemui selipar jenama berkenaan dipercayai tiruan di premis terbabit dan merampas semua barangan dianggarkan bernilai RM2,933.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Perak, Khalid Tik berkata, siasatan awal pihaknya mendapati selipar tiruan berkenaan dijual kepada pelanggan sekitar negeri ini secara borong dengan harga RM7.

FAKTA
 Dijual pada harga serendah RM10 setiap satu berbanding harga asal RM200 hingga RM300 sepasang

Kuala Lumpur

Harga simen serantau masih rendah

Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) semalam menjelaskan harga simen tidak mempengaruhi kenaikan harga rumah di negara ini.

Persatuan itu dalam satu kenyataan berkata, ia berdasarkan Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) diterbitkan oleh Data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) yang menunjukkan harga rumah di Malaysia meningkat sebanyak 13 peratus bagi suku pertama 2016 hingga suku ke empat 2018 walaupun berlaku penurunan harga simen.

C&CA juga berkata, meskipun tiada sekatan kemasukan simen import dalam negara, Malaysia tidak melihat adanya keperluan mengimport bahan binaan itu berikutan harganya masih rendah di rantau ini.

“Malah, pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan lawatan ke loji simen pada 17 Jun lalu dan mengeluarkan notis untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan sebab pengumuman pelarasan harga simen,” kata kenyataan itu.

Higher cement prices needed to help producers stay afloat

By GANESHWARAN KANA
ganeshwaran@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Cement and Concrete Association of Malaysia (C&CA) has defended the recent proposal by cement manufacturers in Malaysia to raise cement prices, pointing out that the move is necessary to keep the companies afloat operationally.

The association gave its word that the cement companies in Malaysia were willing to offer a special pricing scheme to assist the government's affordable housing efforts if there was an increase.

In a statement, C&CA clarified that the local cement price was not the cause of rising house prices.

It pointed out that house prices in Malaysia rose 13% between the first quarter of 2016 and the fourth quarter of 2018, although cement prices declined significantly in the same period.

"This means the fluctuation in cement prices is not correlated to many such building material prices," said C&CA.

On the recent proposal by cement companies to raise net cement prices, it said the

adjustment was "merely to restore prices to levels that allowed the companies to survive".

The association also pointed out that enforcement officers from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry have visited all cement plants since June 17 and issued notices to collect information on the reasons behind the net price adjustments.

"The eventual findings would show that net cement prices have been on a decline and reaching levels that are lower than total operating costs and depreciation.

"The combination of lower cement prices and higher operating costs have resulted in our member companies suffering significant losses," it said.

Using the three listed cement companies as example - Lafarge Malaysia Bhd, Hume Industries Bhd and Tasek Corp Bhd - C&CA said the companies had incurred losses close to RM1bil over nine quarters.

"If this situation persists, we fear that there would be an adverse impact on the country's gross domestic product and thousands of jobs, direct and indirect, would be at risk," it said.



In the defence: C&CA says the local cement price is not the cause of rising house prices.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

21 JUN 2019 (JUMAAT)

MINYAK MENTAH**▲AS\$1.38**
20 Jun 2019

Minyak melonjak lebih daripada tiga peratus kepada lebih AS\$63 satu tong semalam selepas Iran menembak jatuh dron milik tentera Amerika Syarikat (AS), sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai konfrontasi ketenteraan di antara Tehran dan Washington.

Selain itu, faktor yang turut menyokong kenaikan minyak adalah jangkaan bahawa Rizab Persekutuan AS mungkin bakal mengurangkan kadar faedah pada mesyuarat akan datang, merangsang pertumbuhan dalam negara yang juga pengguna minyak terbesar di dunia dan kejatuhan inventori minyak

mentah AS.

Minyak mentah Brent, penanda aras global, naik AS\$1.38 pada AS\$63.20 satu tong pada 0854 GMT, meningkat 3.3 peratus kepada AS\$63.88 pada sesi dagangan lebih awal.

Minyak mentah West Texas Intermediate AS naik AS\$1.45 hingga AS\$55.21.

"Ini adalah gabungan daripada beberapa faktor," kata penganalisis Petromatrix, Olivier Jakob mengenai kenaikan harga.

"Anda mempunyai lebih banyak data stok sokongan, iaitu dari Fed memberi bayangan akan mengurangkan kadar faedah dan insiden dron ditembak jatuh.

REUTERS

SAWIT ▼RM22
20 Jun 2019

Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives susut daripada peningkatan kelmarin untuk ditutup rendah, didorong oleh aktiviti pengambilan untung disebabkan harga yang lebih tinggi, kata peniaga.

Beliau berkata, harga yang lebih rendah itu turut didorong oleh ringgit yang lebih tinggi berbanding dolar AS, menjadikan komoditi itu kurang menarik dalam kalangan pembeli asing.

Penganalisis Penyelidikan FXTM, Lukman Otunuga, berkata minat terhadap dolar AS rendah berikutan keyakinan pasaran bahawa Fed akan mengurangkan kadar faedah dalam beberapa bulan akan datang.

Pada penutup, Julai 2019 dan Ogos 2019, masing-masing merosot RM22 kepada RM2,004 dan RM2,017 satu tan, September 2019 susut RM23 kepada RM2,023 satu tan dan Oktober 2019 berkurangan RM21 kepada RM2,039 satu tan.

Jumlah dagangan merosot kepada 40,904 lot daripada 51,287 lot semalam, manakala kepentingan terbuka berkurangan kepada 267,007 kontrak daripada 274,203 kontrak sebelum ini. **BERNAMA**